

# Lelaki Indonesia tinggal lebih masa, terlibat dengan judi dalam talian didenda RM20,000

**KUCHING:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM20,000 atau penjara 11 bulan satu hari ke atas seorang lelaki warganegara Indonesia selepas dia mengaku bersalah tinggal lebih masa di negara ini, selain terlibat dengan kegiatan pengendalian mesin judi dalam talian haram.

Hakim Musli Ab Hamid menjatuhkan hukuman denda RM10,000 ke atas Pusidi, 21 dan jika gagal membayar denda, dia akan dipenjara lapan bulan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen

1959/63 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15(4) akta yang sama.

Seksyen itu memperuntukkan denda minimum RM10,000 dan maksimum penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mahkamah turut memerintahkan Pusidi dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selepas membayar denda atau selesai menjalani hukuman.

Dalam prosiding berasingan, Majistret Ling Hui Chuan mendenda RM10,000

lagi atau penjara tiga bulan satu hari ke atas Pusidi di bawah Seksyen 4B(a) Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Seksyen 4B(a) memperuntukkan denda antara RM10,000 hingga RM100,000 bagi setiap mesin perjudian yang dirampas serta hukuman penjara sehingga lima tahun jika sabit kesalahan.

Pusidi didapati melakukan kedua-dua kesalahan tersebut di sebuah premis makanan di Malihah Square, Jalan Matang kira-kira pukul

1.30 tengahari pada 23 April 2026.

Menurut fakta kes, hasil risikan dilakukan polis menyerberu premis berkenaan dan menahan Pusidi yang disyaki terlibat dalam aktiviti perjudian dalam talian haram.

Siasatan mendapati dia mengendalikan peranti perjudian iaitu telefon bimbit bagi memudahkan aktiviti perjudian dalam talian.

Difahamkan juga dia menjual maklumat pengenalan (ID) bagi platform perjudian dalam talian haram menggunakan telefon bimbit

berkenaan.

Pemeriksaan lanjut mendapati Pusidi merupakan warganegara Indonesia yang tinggal di negara ini selepas pas lawatan sosialnya tamat tempoh pada 7 Mac 2025.

Dia didapati memasuki Sarawak melalui pintu sempadan Biawak (Lundu) pada 5 Februari 2025.

Timbalan Pendakwa Raya, Adriana Maisarah Mohd Farid dan Ahmad Fauzulutfi Suriani masing-masing hadir bagi pihak pendakwaan manakala Pusidi tidak diwakili peguam.



**BERSALAH:** Pusidi (tengah) bersama tertuduh kes lain dieskot polis selepas prosiding.